

07 AUG 2003

DR SITI HASMAH TERIMA DARJAH KEBESARAN TERTINGGI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 7 Ogos (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini menerima darjah kebesaran tertinggi Pulau Pinang, Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas menyampaikan darjah kebesaran itu pada satu majlis ringkas di Rumah Tetamu di sini.

Anugerah itu diberikan sempena ulangtahun ke-65 Abdul Rahman pada 12 Julai lepas.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid, exco kerajaan negeri dan pegawai kanan kerajaan.

Hadir sama ialah anak Dr Siti Hasmah, Datuk Paduka Marina Mahathir.

-- BERNAMA

NH ZU BK